

LATIHAN BERPANDU: RINGKASAN

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan lengkapkan ringkasan tentang **kelebihan cendawan** di bawah. Panjang ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Cendawan merupakan sejenis kulat yang pendek batangnya dan bahagian atasnya berbentuk payung atau cuping. Sesetengah cendawan boleh dimakan, manakala sesetengahnya beracun. Di Malaysia, aktiviti mengutip cendawan liar tidak dipraktikkan di Malaysia dengan meluas berbanding negara barat. Hal ini demikian kerana di Malaysia, cendawan tidak tumbuh dalam kuantiti yang banyak secara liar kerana bergantung pada iklim. Walau bagaimanapun Institusi Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) telah mengkaji penanaman cendawan secara komersial dengan mengeluarkan buku panduan penanaman cendawan untuk menggalakkan petani tempatan menjadi pengeluar cendawan. Cendawan sebenarnya boleh dimasak dengan pelbagai cara untuk dijadikan sebagai hidangan yang lazat seperti digoreng, di masak rendang, sup dan dibuat kerabu.

Cendawan sangat sesuai dijadikan sumber makanan kerana khasiatnya yang pelbagai. Cendawan kaya dengan vitamin B12 yang jarang-jarang didapati di dalam sayur. Selain itu, kandungan protein cendawan melebihi kandungan protein tumbuhan dan setanding dengan protein haiwan. Berdasarkan kajian saintifik didapati cendawan dapat membantu menghalang pembentukan kanser. Namun begitu, cendawan tidak dapat merawat kanser. Di samping itu, terdapat juga cendawan yang mampu mengurangkan tahap kolesterol di dalam darah, antaranya cendawan telinga kera, lingzhi dan cendawan lidah katak. Oleh hal yang demikian, kebanyakan cendawan liar dikutip akan dijadikan sebagai ubat herba tradisional.

Selain cendawan sebagai makanan berkhasiat, cendawan juga ada kelebihan yang lain. Cendawan saprofit yang tumbuh di atas dedaun rumput di lantai hutan berfungsi untuk menguraikan bahan organik bagi kesuburan tanah. Oleh itu, cendawan amat berguna dalam ekosistem hutan. Selain itu, cendawan juga boleh digunakan dalam kompos yang diproses sebagai baja. Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah jika spesies kulat yang sering diklasifikasikan dalam kumpulan yang sama dengan buah-buahan dan sayur-sayuran ini bakal muncul kelas seterusnya yang tersendiri dalam perubatan alami. Kesan legendanya juga telah meraih perhatian saintis barat untuk melakukan penyelidikan demi penyelidikan.

JAWAPAN

Kelebihan cendawan adalah _____
_____. Selain itu, cendawan _____
_____. Seterusnya, _____
_____.
Di samping itu, cendawan _____
_____.
Cendawan juga _____
_____. Akhir sekali,
cendawan _____
_____.